

Saintis patut utama isu sejagat: TPM

BH - 20/9/2006

KUALA LUMPUR: Malaysia menggesa masyarakat saintis di seluruh dunia berganding bahu membangunkan sains dan teknologi untuk kebajikan umat manusia.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata dunia hari ini perlu menerima bahawa ilmu, teknologi dan inovasi sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran.

"Saintis patut memperlengkapkan diri dengan ilmu yang diperlukan bagi menjalankan aktiviti kajian yang berkaitan masa depan dunia sejagat.

"Marilah kita berjuang bersama dan memastikan masa depan yang baik dan dinamik serta memanfaatkan seluruh umat manusia," katanya berucap pada majlis pelancaran Pejabat Serantau Majlis Antarabangsa Untuk Sains (ICSU) dan Inisiatif Teknologi Nano Negara, di sini, malam tadi.

Najib berkata, Malaysia melaksanakan program bersepadu bagi memperkukuhkan keupayaan negara dalam bidang sains, termasuk mewujudkan Inisiatif Teknologi Nano Negara.

Katanya, sains dan teknologi nano berkeupayaan mewujudkan generasi baru teknologi dan produk dalam pelbagai bidang.